



**PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2023 – 2027**
ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2023 - 2027

**PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2023 – 2027
ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2023 – 2027**

**HAK CIPTA TERPELIHARA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 2023**

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam bentuk, sama ada dengan secara elektronik, fotokopi, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti, Universiti Sains Malaysia.

Diterbitkan oleh:
UNIT INTEGRITI
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Telefon : 04-6536611
E-mel : integriti@usm.my

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
AMANAT NAIB CANSOLOR	3
ALU-ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI USM	5
PENYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI USM	6
RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN ANTI-RASUAH USM 2023 - 2027	10
BAB 1- PENGENALAN	
Latar Belakang USM	12
Visi, Misi dan Rukun Nilai USM	13
BAB 2 - PEMBANGUNAN PELAN ANTI-RASUAH USM 2023 - 2027	
Cabaran Berkaitan Integriti, Rasuah dan Governan	16
Pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM 2023 - 2027	18
Bengkel Pelan Anti-Rasuah USM 2023 - 2027	19
Punca Kuasa Pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM 2023 - 2027	21
Terma Rujukan Jawatankuasa Pelan Anti-Rasuah USM 2023 - 2027	22
Analisis Data	23
Statistik Kes Tatatertib USM Bagi Tahun 2018 - 2022	24
Punca Utama Rasuah dan Salah Laku	25
Penilaian dan Analisis Risiko	26

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 3 – PELAN ANTI-RASUAH USM 2023–2027	
Kerangka Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027	29
Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027 Mengikut Bidang Keutamaan	30
Bidang Keutamaan 1 : Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	30
Bidang Keutamaan 2 : Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	32
Bidang Keutamaan 3 : Penyelidikan dan Inovasi	36
Bidang Keutamaan 4: Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	39
BAB 4 – MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PELAPORAN	
Penyelarasan, Pemantauan dan Pelaporan	43
Format Pelaporan Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027	44
BAB 5 – PENUTUP	45
PENGHARGAAN	47
SINGKATAN	52



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan yang mulia Rasulullah SAW dan keluarga.

Syukur dengan izin-Nya, Pelan Anti-Rasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* Universiti Sains Malaysia (USM) 2023-2027 dapat dirangka, dimuktamadkan dan diterbitkan sebagai panduan kepada warga USM dalam mendukung aspirasi terhadap usaha pemantapan governan, integriti dan antirasuah.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada diantara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikian ialah orang yang berjaya”

Surah Al-Imran: 104

Integriti merupakan tunjang utama dalam pentadbiran sesebuah organisasi. Dalam konteks USM, budaya kerja berintegriti harus dilestarikan dan dijayakan melalui tadbir urus yang baik di semua peringkat. Dengan adanya dasar dan prosedur integriti yang mantap, ia boleh menutup ruang dan peluang berlakunya pelbagai salah laku seperti rasuah, konflik kepentingan dan salah guna kuasa. Dalam masa yang sama, pendekatan holistik dan kerohanian juga perlu diperkasakan sebagai peneguh jati diri warga USM.

Oleh itu, saya menyeru kepada diri saya dan warga USM agar bersama-sama sepakat dalam usaha ke arah meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan USM supaya lebih berintegriti, telus, bertanggungjawab dan diyakini.

Saya berharap agar Pelan Anti-Rasuah USM ini dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang di samping memupuk impak positif

dan prestasi tinggi di kalangan warga USM. Adalah menjadi harapan saya Pelan Anti-Rasuah USM mendapat sokongan semua peringkat agar dapat membentuk organisasi yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan elemen ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Sebagai satu-satunya universiti awam di Malaysia yang membawa visi *Accelerated Programme for Excellence (APEX)*, saya yakin bahawa dengan adanya amalan berintegriti di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan Universiti, maka ia akan dapat memperkukuhkan lagi sektor pendidikan tinggi negara amnya dan USM khususnya, dan seterusnya membina masa depan negara yang lebih mampan dan sejahtera berpaksikan kecemerlangan dan etika tinggi warganya.

Sekian.

Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.
Naib Canselor,
Universiti Sains Malaysia

5 April 2023



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) USM 2023-2027 yang menyeluruh dan mencakupi semua aspek.

Sekalung penghargaan khas kepada semua pihak yang terlibat dan komited dalam membangunkan pelan ini. Saya juga berbesar hati dengan hasil usaha dan komitmen serta kerjasama yang erat daripada warga USM dalam usaha menyahut seruan Kerajaan Malaysia selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan*) yang telah dilancarkan pada awal tahun 2019 dan menguatkan pelaksanaan pelan ini di peringkat USM.

Pelan Anti-Rasuah USM adalah merupakan satu dokumen dasar anti-rasuah di peringkat USM yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governan, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Matlamat pelan ini adalah selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Nasional iaitu meningkatkan integriti, akauntibiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus menghapuskan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Justeru, dengan adanya Pelan Anti-Rasuah USM ini, seluruh warga USM diseru untuk bersama-sama memastikan pengurusan pentadbiran USM bebas daripada amalan rasuah nepotisme dan salah guna kuasa. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan dapat ditambah baik bagi melahirkan warga USM yang berintegriti dan mendapat kepercayaan semua pemegang taruh.

Sekian, terima kasih.

Dr. Khairul Anuar Che Azmi
Penasihat Undang-Undang
Merangkap
Ketua Unit Integriti
Universiti Sains Malaysia

6 April 2023

PENYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI USM

Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027 merupakan dasar anti-rasuah yang mencerminkan komitmen Pengurusan Tertinggi USM untuk mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah USM, kami ingin menekankan bahawa semua inisiatif yang telah dikenalpasti perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Pelan Anti-Rasuah USM diharapkan akan dijadikan panduan bagi semua warga USM khususnya dan visi untuk membantu USM mencapai visi “UNIVERSITI BEBAS RASUAH DAN TIADA SALAH GUNA KUASA”.

*Naib Canselor
Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Pengarah Kampus Kesihatan dan Kejuruteraan
Pendaftar
Bendahari
Penasihat Undang-Undang
Ketua Pustakawan
Ombudsman
Ketua Audit Dalam
Dekan-Dekan
Pengarah-Pengarah
Ketua Unit Integriti
Ketua-Ketua Jabatan*



SIJIL PENGHARGAAN

Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

Universiti Sains Malaysia

atas dedikasi dan komitmen dalam mendukung Lima Prinsip Anti-Rasuah

- ☞ *Komitew untuk menggalakkan nilai-nilai integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang mantap;*
- ☞ *Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;*
- ☞ *Mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah;*
- ☞ *Membanteras segala bentuk gejala rasuah; dan*
- ☞ *Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)*

dan atas penyertaan

Corporate Integrity Pledge (CIP)

Monitoring Workshop 2015

(15 hingga 16 Oktober 2015)

SENATOR DATU' PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

BATUK MUSTAFAR BIN ALI
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA
(PENCEGAHAN)
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Tarikh : 16 Oktober 2015



TIMBALAN NAIB CANSOLOR
AKADEMIK & ANTARABANGSA

TIMBALAN NAIB CANSOLOR
PENYELIDIKAN & INOVASI

PENGARAH
KAMPUS KESIHATAN

PENGARAH
KAMPUS KEJURUTERAAN

PENDAFTAR

DEKAN

PENGARAH H

INDUK

KEJURUTERAAN

KESIHATAN

- Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- Pusat Pengajian Komunikasi
- Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
- Pusat Pengajian Pengurusan
- Pusat Pengajian Perumahan Binaan Dan Perancangan
- Pusat Pengajian Sains Farmasi
- Pusat Pengajian Sains Fizik
- Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
- Pusat Pengajian Sains Kimia
- Pusat Pengajian Sains Komputer
- Pusat Pengajian Sains Matematik
- Pusat Pengajian Sains Kajihayat
- Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan
- Pusat Pengajian Seni
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
- Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
- Pusat Pengajian Teknologi Industri

- Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan Dan Sumber Mineral
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

- Pusat Pengajian Sains Kesihatan
- Pusat Pengajian Sains Perubatan
- Pusat Pengajian Sains Pergigian



NOR UNIVERSITI

NSELOR

TIMBALAN NAIB CANSELOR
HAL EHWAL PEMBANGUNAN
PELAJAR & ALUMNI

TIMBALAN NAIB CANSELOR
KELESTARIAN, PEMBANGUNAN
DAN INSTITUSI

BENDAHARI

KETUA
PUSTAKAWAN

PENASIHAT
UNDANG-UNDANG

OMBUDSMAN

HOSPITAL USM

PENGARAH / KETUA PTJ /
PENYELARAS / KETUA UNIT

PUSAT KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN TINGGI

PUSAT KECEMERLANGAN

PUSAT PENTADBIRAN /
PERKHIDMATAN

- Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar (REDAC)
- Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM)
- Pusat Racun Negara (PRN)

- Pusat Kajian Samudera Dan Pantai (CEMACS)
- Pusat Kajian Pengurusan
- Pembangunan Islam (ISDEV)
- Pusat Biologi Kimia (CCB)
- Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS)
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN)
- Pusat Nav6 Termaju Negara
- Pusat Penyelidikan Dadah Dan Ubat-Ubatan
- Pusat Penyelidikan Dasar & Kajian (CENPRIS)
- Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG)
- Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik (INOR)
- Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik (CEDEC)
- Pusat Teknologi Pengajaran Multimedia (PTPM)
- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

- Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA)
- Pusat Penerbit USM (USM Press)
- Muzium & Galeri Tuanku Fauziah
- Pusat Islam
- Pusat Swaakreditasi (PSA)
- Pusat Sukan & Rekreasi
- Dewan Budaya USM
- Institut Pengajian Siswazah
- Pusat Media & Perhubungan Awam (MPRC)
- Unit Audit Dalam
- Pusat Perancangan Institusi & Strategik (IPSC)
- Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE)
- Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis (ABrC)
- Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan (SERC)
- Jabatan Keselamatan
- Jabatan Pembangunan
- Pusat Pengetahuan & Komunikasi Teknologi
- Pusat Sejahtera
- SAINS@KL
- SAINS@USM
- SAINS@ALOR SETAR
- Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC)

Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) USM 2023-2027 dibangunkan berdasarkan Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) dan merupakan panduan dalam menangani isu rasuah, governan dan integriti di USM. Unit Integriti USM dengan kerjasama Puan Halimah binti Md Shariff, Mantan Ketua Cawangan Penyelidikan dan Modul, Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM pada 7-10 November 2022 dengan penyertaan daripada wakil daripada setiap jabatan/unit di USM seperti yang dipilih oleh Naib Canselor USM.

Visi Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027 adalah untuk mewujudkan Universiti Bebas Rasuah melalui penetapan satu misi iaitu meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti USM berdasarkan tadbir urus baik. Daripada misi tersebut, ia membentuk dua matlamat Pelan Anti-Rasuah USM iaitu, pertama, meningkatkan kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan USM serta kedua, membina ketelusan dan akauntabiliti dalam perolehan awam dan tadbir urus korporat.

Bagi matlamat pertama, strategi yang digariskan di dalam Pelan Anti-Rasuah USM khusus bagi pentadbiran Universiti adalah memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Universiti. Bagi matlamat kedua, strategi bagi perolehan awam adalah mempertingkatkan keberkesanan perolehan dan sistem kewangan USM manakala strategi bagi tadbir urus pula adalah memupuk tadbir urus baik dalam skop pendidikan tinggi.

Pelan ini mampu direalisasikan secara efektif dan efisien melalui dedikasi yang tinggi dalam tadbir urus dan budaya integriti dalam kalangan warga USM secara menyeluruh. Sehubungan itu, dengan visi menjadikan USM sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah, pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM ini diharap berupaya membantu membentuk warga USM yang berperibadi terpuji, beretika, berintegriti dan bebas rasuah.

The background features a complex arrangement of overlapping geometric shapes in various shades of purple, blue, and yellow. A prominent horizontal yellow band spans the width of the page, serving as a background for the chapter title. The overall aesthetic is modern and abstract.

BAB 1 | PENGENALAN

Latar Belakang USM

Universiti Sains Malaysia (USM) ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1969, merupakan salah satu institusi pengajian tinggi awam yang tertua di Malaysia. Pada tahun 1971, kampus induk USM telah didirikan di Bukit Minden, lebih kurang 10km dari Bandaraya Georgetown. Suasana kampus yang nyaman dan harmoni ini menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. USM mempunyai dua (2) kampus cawangan iaitu Kampus Kejuruteraan bertempat di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Manakala Kampus Kesihatan bertempat di Kubang Kerian, Kelantan. Sejak ditubuhkan, USM telah diberikan mandat untuk memberi dan memajukan pengajian tinggi dalam bidang sains dan teknologi yang meliputi Sains Tulen, Sains Gunaan, Perubatan, Kejuruteraan, Pembangunan, Farmasi dan juga bidang Sains Kemasyarakatan, Kemanusiaan dan Pendidikan. USM merupakan institusi yang menyediakan arena untuk penyelidikan, pemajuan dan penyebaran ilmu intelek sains dan kemanusiaan.

Pada 4 September 2008, USM telah diisytiharkan sebagai Universiti APEX (*The Accelerated Programme for Excellence*) atau Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan yang pertama di Malaysia. Pengisytiharan ini akan menjadikan USM untuk melonjakkan kecemerlangan bertaraf dunia selari dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

USM gets apex status

Millions to be poured into varsity towards making it world class

By SIMRIT KAUR and KAREN CHAPMAN
 educate@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Universiti Sains Malaysia (USM) has been granted apex status. With it, USM can expect hundreds of millions of ringgit in additional funding to transform it into Malaysia's first world-class university.

Higher Education Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said that quantitative and qualitative criteria were used to select USM under the accelerated programme for excellence (apex).

"The selection committee evaluated each university's state of readiness, transformation plan and preparedness for change."

"After a thorough evaluation, the committee decided that only one university truly met all the criteria, namely USM," he told a press conference yesterday.

The Cabinet had agreed to USM being given the apex status on Aug 27.

"The university that is given apex status is one that has the greatest potential among Malaysian universities to be world-class, and as such,



Announcement time: Khaled flanked by deputies Dr Hou Kok Chung (right) and Datuk Idris Haron with a copy of the statement announcing USM as the country's first apex university.

would be given additional assistance to compete with top-ranked global institutions, added Khaled.

He said with apex status, USM will be expected to move up the World University Rankings with a target of top 200 in five years' and top 100, if

not top 50, by 2020.

In last year's *Times Higher Education-QS World University Rankings*, Universiti Malaysia (UM) was the highest ranked Malaysian university at 246, followed by USM (307), Universiti Kebangsaan Malay-

sia (309) and Universiti Putra Malaysia (364).

A selection committee headed by former vice-chancellor Prof Emeritus Datuk Dr Mohamed Zawawi Ismail short-listed USM, UM, UKM and UPM.

USM's transformation plan, entitled "Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow" focussed, among other things, on diagnostics, medical biotechnology, waste management, pharmaceuticals, nano-technology, membrane technology and vaccines.

Asked why UM was not selected, Khaled said: "I hope the apex status will spur other universities to strive for excellence, too. It's not about selecting the oldest university but choosing one with a double plan that can help us transform our higher education."

The other universities that applied for apex status were International Islamic University Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi PETRONAS and Universiti Tenaga Nasional.

■ See *StarEducation* on Sunday for the full report.

V-C: Great birthday gift for university

PUTRAJAYA: Universiti Sains Malaysia (USM) is grateful for any additional help towards becoming the first Malaysian university to attain world-class status.

"It is a good birthday present as USM is turning 40 next year," said its vice-chancellor Prof Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak of the government's decision to grant USM apex status.

He added that the university's transformation plan was put in place six years ago.

Prof Dzulkipli added that the university planned to use its autonomy to improve three critical areas – talent, resources and governance.

"We would like to have our own charter like other autonomous universities," he said.


In terms of funding, Prof Dzulkipli said USM has asked for an additional RM330mil for 2009-2013.

UM vice-chancellor Datuk Rafiah Salim congratulated USM on its achievement.

"Of course, we are disappointed not to be chosen based on our track record of ranking local UM to become the top-ranked local university within two years."

However, she said UM will continue with its transformation plan, "with or without apex status."

Visi, Misi dan Rukun Nilai USM



Visi

“Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok”.

Misi

USM ialah universiti perintis, berintensifkan penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terkebahawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka.

Rukun Nilai USM



USM membangunkan 5 Rukun Nilai untuk merealisasikan konsep dan falsafah Saya Sayang USM dan USM Menara Ilmu Tercinta dengan hasrat untuk membina jiwa dan keperibadian yang dapat memacu kecemerlangan (USM-APEX), pedoman dalam memacu kecemerlangan, membentuk budaya kerja dan tadbir urus yang berintegriti, membina semangat berorganisasi yang harmoni dan sejahtera serta membentuk peribadi pelajar USM yang holistik sesuai dengan falsafah HEBAT. Rukun Nilai USM tersebut meliputi QALBU yang berasaskan 'Qalbin Saleem' atau *Purenness of Heart* dengan berlandaskan amanah, lisan, bersih dan ukhuwah yang kesemuanya menjadi tunjang kepada rukun Kebijaksanaan, Kemanusiaan, Kebenaran dan Keindahan.

Rukun Nilai USM ini perlu disinergikan dengan 9 Teras USM-APEX iaitu keilmuan, kemanusiaan, masa hadapan, kesejagatan, kelestarian, kelainan, kesejahteraan, perubahan dan pengorbanan.



**BAB 2 | PEMBANGUNAN PELAN
ANTI-RASUAH USM 2023 – 2027**

Cabaran Berkaitan Integriti, Rasuah dan Governan

Pada tahun 2022, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Malaysia (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* telah meningkat satu tangga ke kedudukan ke-61, berbanding di kedudukan ke-62 pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, kedudukan ini masih lagi dianggap tidak baik berbanding kedudukan Malaysia di kedudukan ke-51 pada tahun 2019. Sehubungan itu, masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperbetulkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah.


Data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penglibatan penjawat awam dalam kes rasuah di Malaysia menunjukkan sebanyak 909 kes tangkapan rasuah telah dilakukan pada tahun 2022 dan sebanyak 525 kes adalah melibatkan penjawat awam. Daripada 525 kes, sebanyak 288 kes telah dihadapkan pertuduhan dan sebanyak 204 kes telah disabitkan dengan kesalahan rasuah.

Dalam hal ini, data kes rasuah oleh SPRM melibatkan staf USM dari tahun 2015 sehingga tahun 2023 menunjukkan seramai empat (4) orang staf sama ada telah ditangkap, disiasat, didakwa dan dihukum atas kesalahan rasuah.

Berdasarkan analisis ke atas maklumat rasuah di Malaysia, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, terdapat empat (4) punca utama berlakunya amalan rasuah iaitu –

1. Kegagalan pentadbiran (manipulasi terhadap sistem dan prosedur).
2. Konflik kepentingan (kuasa budi bicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik).
3. Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan.
4. Kurang ketelusan.

Dapatan Penarafan Semula Risiko Tahun 2020



Sumber : Surat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia – SPRM.BPIA 600-9/3/1 JLD 4(198) bertarikh 25 Februari 2021

Pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) kali pertama yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa setiap Kementerian/ Jabatan perlu merangka dan menyediakan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) masing-masing berpandukan Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Penyediaan Pelan Anti-Rasuah USM ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Justeru itu, dalam merangka penyediaan Pelan Anti-Rasuah USM ini, segala bentuk usaha pencegahan rasuah yang telah dilaksanakan sebelum ini di bawah Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) iaitu Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Program Transformasi Kerajaan 2.0 telah diambil kira selain daripada rujukan utama iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Di bawah inisiatif PIN sebelum ini, USM telah mewujudkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) sebagai panduan USM dalam menangani isu-isu integriti dan tadbir urus.

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI

Bengkel Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027

Bengkel Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027 telah diadakan di Dewan Bankuet, Canselori II, USM dan dihadiri oleh seramai 42 orang peserta yang dipilih dan dilantik dalam kalangan staf akademik, pegawai pentadbiran, staf sokongan dan wakil pelajar. Berikut adalah agenda dan aturan bengkel yang telah dilaksanakan:-

BIL	BENGGEL	TARIKH
1	Bengkel Pelan Anti-Rasuah USM	7 – 10 November 2022
2	Mesyuarat Dalaman Pelan Anti-Rasuah USM	12 November 2022 26 Februari 2023
3	Bengkel Pemurnian Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027 – Semakan dan pemurniaan Pelan Anti-Rasuah USM Tahun 2023 – 2027	27 Februari 2023



Bengkel Pelan Anti-Rasuah Universiti Sains Malaysia Tahun 2023-2027 pada 7 hingga 10 November 2022



Bengkel Pemurnian Pelan Anti-Rasuah Universiti Sains Malaysia Tahun 2023-2027 pada 27 Februari 2023

Bengkel Pelan Anti Rasuah USM telah diadakan dengan jayanya bagi membincangkan isu-isu rasuah dan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilakukan. Bengkel ini telah memfokuskan kepada empat (4) bidang keutamaan iaitu:

- i. Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar;
- ii. Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan;
- iii. Penyelidikan dan Inovasi; dan
- iv. Pengurusan Kewangan dan Pembangunan

Punca Kuasa Pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027

Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027, seperti yang dinyatakan pada permulaan dokumentasi ini adalah satu pelan jangka panjang yang penting dan wajib dibuat oleh setiap institusi termasuklah USM. Punca kuasa pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM adalah berdasarkan kepada tiga (3) perkara berikut :-



Pembangunan Pelan Anti-Rasuah adalah satu inisiatif bagi memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan di USM bagi menangani permasalahan dan kelemahan governan, integriti dan isu-isu rasuah di USM.

Pembangunan Pelan Anti-Rasuah USM ini dirangka daripada pelbagai data dan maklumat yang telah dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan.

Dalam hal ini, Pelan Anti-Rasuah USM akan dilaksanakan dalam tempoh masa lima (5) tahun iaitu daripada tahun 2023-2027. Ruang lingkup pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah USM ini merangkumi aspek berkaitan anti-rasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat di dalam jabatan dan tadbir urus di USM.

Terma Rujukan Jawatankuasa Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027

Jawatankuasa Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027 adalah penting bagi memastikan bahawa Pelan Anti-Rasuah USM dapat dilaksanakan dan berjalan dengan lancar seperti seperti yang dirancang. Jawatankuasa yang akan dipilih nanti akan mempunyai terma rujukan jelas berkenaan Jawatankuasa Pelan Anti-Rasuah bagi memastikan bahawa ianya selari daripada peringkat kebangsaan. Berikut adalah intipati penting berkenaan dengan terma rujukan Jawatankuasa Pelan Anti-Rasuah USM yang hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan.



Analisis Data


Dalam membangunkan Pelan Anti-Rasuah, USM telah merujuk kepada data bagi tempoh lima (5) tahun iaitu tahun 2018-2022 sebagaimana berikut:-

1**Data Unit Integriti KPT****2****Data Unit Integriti USM Tahun 2018–2022****3****Laporan Audit Dalam USM Tahun 2018–2022****4****Rekod Tatatertib USM Tahun 2018–2022****5****Laporan JITU/ JAR USM Tahun 2018–2022****6****Laporan Kes Sebenar USM Berkaitan Rasuah Tahun 2018–2022****7****Laporan dan Statistik Kes Tatatertib USM Yang Melibatkan Integriti Tahun 2018–2022**

Statistik Kes Tatatertib USM Bagi Tahun 2018 – 2022

Statistik kes tatatertib USM adalah penting bagi panduan kepada penggubalan garis panduan Pelan Anti-Rasuah ini. Ini kerana jenis kesalahan terutamanya yang berkait dengan rasuah, salah guna kuasa, konflik kepentingan, adalah asas kepada pembentukan dan juga penilaian Pelan Anti-Rasuah USM. Berikut dilampirkan statistik kes tatatertib di USM yang berkenaan untuk lima (5) tahun bermula tahun 2018 sehingga 2022.

Jenis Kesalahan	Tahun				
	2018	2019	2020	2021	2022
Tidak Hadir Bertugas	2	11	2	1	2
Dadah	2	1	2	2	
Salah Laku	1	5		3	
Tidak Bertanggungjawab	1	1	2		1
Gangguan Seksual & Kesalahan Seksual	1				1
Mencuri	3	2	2		
Ingkar Perintah					1
Tidak Jujur/ Tidak Amanah					5
Mencemar Nama Baik Universiti					1
Lain-Lain Kesalahan				4	6
	10	20	8	10	17



Punca Utama Rasuah dan Salah Laku

Hasil kajian mendapati bahawa faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi ingin hidup mewah dan tidak berintegriti. Manakala faktor luaran adalah disebabkan oleh gaji yang rendah, tekanan kewangan dan tekanan kerja serta dasar/sistem atau peraturan kewangan yang kurang efektif.



Apabila mana-mana individu menerima jawatan sebagai pegawai awam, dua bentuk integriti harus ada dalam diri mereka seperti yang dinyatakan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004 iaitu integriti dalaman individu dan integriti sebagai pegawai awam.

“Sebagai penjawat awam mereka perlu berintegriti dan boleh bertindak dengan prinsip moral, beretika dan mengikut undang-undang serta paling penting boleh membezakan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum.

Penilaian dan Analisis Risiko

Input-input yang diperoleh daripada analisa aduan, kes-kes tatatertib, perbincangan dan soalselidik mengenai governan, rasuah dan integriti, dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) USM telah digunakan sebagai tunjang untuk melaksanakan Pelan Anti-Rasuah peringkat USM.

Sesi perbincangan telah dilaksanakan bersama Jawatankuasa Pelan Anti-Rasuah USM bagi mengenalpasti bidang keutamaan, menilai dan menganalisa risiko yang wujud dalam organisasi dan menguruskan risiko-risiko tersebut dengan kawalan sedia ada atau menambah inisiatif baru mengatasi risiko berkenaan.





Universiti Sains Malaysia We Lead



Gambar Jurufoto USM : Ebrahim Abdul Manan

The background features a complex arrangement of overlapping geometric shapes in various shades of purple, blue, and yellow. A prominent horizontal yellow band spans the width of the page, serving as a background for the title text. The overall aesthetic is modern and abstract.

BAB 3 | PELAN ANTI-RASUAH USM 2023 - 2027

Bagi memastikan Pelan Anti-Rasuah USM ini dapat dilaksanakan seperti dihasratkan, berikut adalah kerangka yang dicadangkan untuk dilaksanakan terutamanya daripada empat (4) bidang keutamaan yang penting di dalam ekosistem USM iaitu Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan, Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Inovasi serta Pengurusan Kewangan dan Pembangunan. Dengan strategi-strategi yang dirancang dan dirangka bagi Pelan Anti-Rasuah USM, Pelan Anti-Rasuah ini pastinya dapat menjadi satu (1) medan untuk memastikan bahawa hasrat USM sifar rasuah dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Strategi-strategi yang dipantau dengan rapi dan mempunyai kawalan mekanisma pengurusan risiko yang baik akan membolehkan kerangka pelan Pelan Anti-Rasuah USM dilaksanakan seperti yang dihasratkan oleh pengurusan tertinggi USM dan pemimpin tertinggi negara.

Kerangka Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027

KERANGKA PELAN ANTI-RASUAH USM				
VISI	USM Berintegriti dan Bebas Rasuah			
MISI	Memperkasakan tadbir urus USM yang cekap, berkesan dan berintegriti.	Memperkasakan integriti dan kompetensi Warga USM.	Mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti dan bebas rasuah.	
MATLAMAT	Menyediakan hala tuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas.	Memantapkan pentadbiran organisasi dan akademik serta sumber manusia termasuk pelajar.	Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan ketelusan perolehan.	
BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	Penyelidikan dan Inovasi	Pengurusan Kewangan dan Pembangunan
STRATEGIK	Memperkasa tadbir urus organisasi ke arah sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti	Pemantauan, penguatkuasaan dan pemerkasaan tadbir urus pengurusan akademik dan integriti pelajar ke arah perkhidmatan yang profesional, berkualiti dan telus.	Memperkasa tadbir urus penyelidikan/ organisasi ke arah sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti, profesional dan telus	Pemantapan keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan pembangunan Universiti

Pelan Anti-Rasuah USM 2023 – 2027 Mengikut Bidang Keutamaan

Dalam membangunkan Pelan Anti-Rasuah USM 2023-2027 untuk menghapuskan amalan rasuah dan salah laku, beberapa risiko telah dikenal pasti dan dibahagikan kepada 4 (empat) bidang keutamaan, berikut adalah yang telah dikenalpasti :-

RINGKASAN INISIATIF			
Bidang Keutamaan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	Bidang Keutamaan Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	Bidang Keutamaan Penyelidikan dan Inovasi	Bidang Keutamaan Pengurusan Kewangan dan Pembangunan
Inisiatif 14	Inisiatif 18	Inisiatif 16	Inisiatif 12
JUMLAH KESELURUHAN INISIATIF			60

Bidang Keutamaan 1 : Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan

RINGKASAN	
Bidang Keutamaan 1	Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan
Strategi	Memperkasa Tadbir Urus Organisasi ke Arah Sistem Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti.
Objektif Strategik	Inisiatif
1.1	Menambahbaik proses pelantikan staf baharu dan permohonan kemajuan kerjaya. 3
1.2	Memperkasa pemantauan dan meningkatkan pematuhan tadbir urus. 9
1.3	Meningkatkan integriti dan kecekapan tadbir urus. 2

Objektif Strategik 1.1		Menambahbaik proses pelantikan staf baharu dan permohonan kemajuan kerjaya.		
